



AHMAD MASLAN (dua dari kiri) dan Hafsa Hashim (kiri) melihat produk keluaran bumiputera selepas melancarkan program Tube Mega 2017 di Shah Alam, Selangor. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

Tube Mega medan lahirkan usahawan

SHAH ALAM 24 Mei - Seramai 1,000 belia bumiputera dijangka mengikuti Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (Tube) Mega 2017 bagi edisi pertama yang akan bermula Oktober nanti.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslan berkata, Tube Mega merupakan kesinambungan daripada Program Tube yang mula diperkenalkan pada 2014.

Menurutnya, program tersebut diteruskan sebagai platform dan galakan kepada golongan belia agar menceburkan diri dalam pelbagai bidang keusahawanan.

"Bagi Tube Mega ini, kita menyasarkan 5,000 usahawan belia dapat dilahirkan menjelang tahun 2020 berbanding Tube di mana 1,425 usahawan dilahirkan selama tiga tahun pelaksanaannya."

"Sebanyak RM20 juta dalam bentuk geran diperuntukan kepada peserta program Tube yang disediakan oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) dan Unit Perancangan Ekonominya (EPU)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan majlis Pelancaran Program Tube Mega 2017 sempena Minggu

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Selangor di sini semalam.

Terdahulu, Ahmad melancarkan aplikasi program Tube dienal sebagai Tube Mobile, iaitu platform kepada peserta Tube untuk berkomunikasi dan bertukar pandangan antara satu sama lain.

Yang turut hadir Ketua Eksekutif SME Corp., Datuk Hafsa Hashim dan Pengarah Kanan (Keusahawanan dan Pembangunan Perniagaan) Teraju, Megat Mohd. Yatim Megat Hamid.

Dalam pada itu, Ahmad berkata, pihaknya mahu golongan belia bumiputera mengambil peluang disediakan kerajaan dengan menceburkan diri dalam dunia perniagaan sekali gus meningkatkan taraf kehidupan.

"Melalui platform yang disediakan ini, kerajaan mahu golongan bumiputera menjadi bangsa usahawan, iaitu membudayakan bidang perniagaan dan tidak lagi hanya makan gaji sahaja."

"Malah, kita mahu golongan bumiputera tidak lagi kecinciran dan perlu mentransformasi diri dengan empat aspek iaitu pendidikan, kemahiran, produktiviti dan keusahawanan atau PKPK," jelasnya.

Gula: MSM akur keputusan kerajaan

KUALA LUMPUR 24 Mei - MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) menghormati keputusan kerajaan untuk mengekalkan harga gula iaitu RM2.95 sekilogram yang telah diputuskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) pada 1 Mac lalu.

Menurut MSM, oleh kerana gula diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, MSM akan terus komited menyediakan bekalan gula yang mencukupi untuk negara, terutamanya menjelang musim perayaan akan datang.

"Walaupun terdapat penurunan bagi harga gula mentah antarabangsa, komoditi gula global kini beroperasi dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu."

"Bagaimanapun kami akan terus bekerjasama dengan kerajaan dan memaklumkan kepada mereka mengenai pasaran gula global," jelasnya dalam kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainuddin berkata, kerajaan tidak akan membenarkan sebarang kenaikan harga gula pada masa ini walaupun terdapat permintaan dinaikkan 40 sen sekilogram.

Menurutnya, harga gula di pasaran dunia ketika ini menurun AS\$0.17 (RM0.73 sen) setiap paun, justeru kerajaan tidak akan membenarkan sebarang kenaikan bagi memberi keadilan kepada semua pihak.

TH Plantations catat perolehan RM166.05j

KUALA LUMPUR 24 Mei - Perolehan TH Plantations Bhd. (THP) bagi suku pertama 2017 meningkat sebanyak 85 peratus kepada RM166.05 juta berbanding suku sama tahun sebelumnya hasil daripada pemulihan dalam pengeluaran buah tandan segar iaitu sebanyak 162,885 tan metrik dan 41,963 tan metrik atau 42 peratus peningkatan dalam pengeluaran MSM.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Seri Zainal Azwar Zainal Aminuddin berkata, THP turut merekodkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM15.25 juta bagi suku dilaporkan.

Katanya, THP mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM20.31 juta berbanding kerugian bernilai RM35.98 juta yang dicatatkan pada suku pertama tahun sebelumnya.

Beliau berkata, keuntungan sebelum cukai, faedah, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) sebanyak

RM53.37 juta berbanding RM6.38 juta tahun lalu.

Dari segi pengeluaran, Zainal Azwar berkata, THP mencatatkan pertumbuhan 17 peratus bagi pengeluaran buah tandan segar iaitu sebanyak 162,885 tan metrik dan 41,963 tan metrik atau 42 peratus peningkatan dalam pengeluaran MSM.

"Pemulihan dalam pengeluaran bagi suku pertama tahun ini didorong oleh keadaan cuaca yang bertambah baik serta inisiatif untuk meningkatkan penggunaan kilang melalui pembelian tambahan buah tandan segar daripada pembekal luar.

"Kami gembira menyaksikan peningkatan yang lebih baik selepas beberapa suku yang mencabar sebelum ini dan berharap kesan cuaca yang tidak menentu sebelum ini akan berakhir men-



ZAINAL AZWAR

jelang separuh kedua tahun ini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Zainal Azwar berkata, Kumpulan turut merekodkan harga siling yang lebih baik disokong oleh harga komoditi pada suku pertama tahun ini.

"Kami yakin bahawa harga MSM akan terus disokong oleh peningkatan permintaan bagi produk minyak sawit, terutamanya menjelang bulan Ramadan yang akan datang dan kadar tukaran mata wang yang mengalakkkan.

"Kumpulan terus memberi tumpuan kepada mengoptimalkan kos, kecekapan operasi dan mengembalikan trend pengeluaran mampan bagi mendapat manfaat daripada permintaan minyak sawit," katanya.



BEBERAPA pekerja membersihkan ladang kelapa sawit. Cuaca yang tidak menentu sebelum ini menjadikan pengeluaran hasil kelapa sawit. - GAMBAR HIASAN

TPM peruntuk RM2 juta Dana TFF

KUALA LUMPUR 24 Mei - Technology Park Malaysia Corp Sdn. Bhd. (TPM) memperuntukkan sebanyak RM2 juta Dana Mudah Cara Usahawan Teknologi TPM (TFF) bagi tempoh 2017 sehingga 2018.

Pengurus Besar Pembangunan Inkubasi dan Usahawan Teknologi Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Taman TPM, Azra'i Shu'ib berkata, kira-kira RM200,000 jumlah dana akan diluluskan tidak lama lagi dan permojonan sedang dinilai.

Katanya, dana yang diperkenalkan pada Mac lalu bertujuan memajukan lagi pembangunan usahawan teknologi di dalam negera untuk mengembangkan perniagaan mereka.

"TFF akan menyediakan pinjaman mudah sehingga RM15,000

bagi setiap perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan faedah tiga peratus setahun.

"TPM juga sentiasa komited untuk membantu para usahawan memacu pertumbuhan dengan menerokai pasaran asing," kata dia kepada pemberita dalam taklimat media di sini hari ini.

TPM mempunyai infrastruktur bersepadu, kemudahan dan perkhidmatan sokongan untuk membantu usahawan yang berminat untuk mengomersialkan idea mereka dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kejuruteraan, bioteknologi dan teknologi hijau.

Jelas Azra'i, pihaknya menyediakan ekosistem buat usahawan teknologi untuk memudahkan dan memupuk perusahaan berlandaskan pengetahuan dengan

menawarkan khidmat nasihat, kemudahan, peralatan dan khidmat sokongan.

"Kami menawarkan Pusat Pengkomersialan Teknologi bertujuan melengkapkan keperluan kepentingan negara untuk menggunakan teknologi bagi menjana pendapatan.

"Selain itu, Pusat Inkubasi Inovasi memberi perkhidmatan sokongan seperti latihan komprehensif, menjadi mentor dan pemandu untuk memajukan keusahawanan teknologi," katanya.

Antara aktiviti perniagaan TPM, penyewaan premis inkubator yang sesuai untuk ahli sains, penyelidik, usahawan teknologi dan PKS serta sewaan kawasan untuk syarikat-syarikat berlandaskan teknologi.